

Ambil tindakan disiplin

Hosni dilarang mengikuti segala kegiatan Persisi mulai 13 Disember

JURULATIH Silat Nasional, Mohd Hosni Ahmad, telah dilucutkan daripada jawatannya dengan serta-merta. **18 DEC 1991**

Malah jurulatih berpengalaman itu telah dilarang daripada mengikuti segala kegiatan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mulai 13 Disember lalu. Menurut Setiausaha Kehormat Persisi, Mohamed Kaspari, tindakan ke atas jurulatih itu ekoran daripada dua sebab utama:

Pertama: Hosni telah didapati meminta pesilat nasional, Sheik Alauddin Ya'acob agar 'tewas' dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara yang berlangsung dari 25 hingga 29 November di Manila.

Kedua: Jurulatih itu juga, yang tiba di Manila secara peribadi, telah menginap bersama peserta kontinjen Republik tanpa keizinan.

"Hosni didapati telah memerintah pesilat nasional, Abdul Talib Tambi untuk menyampaikan salamnya kepada Sheik Alauddin supaya Sheik 'kalahkan dirinya dalam pertandingan tersebut'," katanya.

Persisi, kata Mohammed, mendapati dakwaan tersebut adalah serius terutama melibatkan pasukan negara ke kejohanan di peringkat antarabangsa.

"Selaku jurulatih yang berpengalaman, walaupun beliau tidak bertugas di Manila, Hosni tidak seharusnya membuat langkah yang boleh merosakkan semangat perjuangan pesilat negara," jelas Mohamed lagi.

Hosni tidak dilantik seba-



“Selaku jurulatih yang berpengalaman, walaupun beliau tidak bertugas di Manila, Hosni tidak seharusnya membuat langkah yang boleh merosakkan semangat perjuangan pesilat negara.”

— MOHD KASPARI (kiri).

gai jurulatih ke Manila, sebaliknya Persisi meletakkan penolong jurulatih nasional, Haji Sueb Selamat untuk memikul tugas itu.

Sehubungan dengan itu, Badriah Hosni, peserta wanita tunggal ke kejohanan di Manila itu, juga didapati melanggar peraturan Persisi.

"Biarpun kami sedar bahawa mereka ada pertalian, terutama antara Badriah dengan Hosni. Tetapi tindakan Badriah membenarkan Hosni dan Jasni Salam, menginap di biliknya tanpa izin Persisi, telah melanggar tata tertib Persisi," jelas Mohamed.

"Kerana itu, Persisi memutuskan tidak akan mencalonkan namanya untuk anugerah Program Bantuan Sukan Cemerlang (SEAP) yang diterima daripada Majlis Sukan Singapura (SSC), bagi musim akan datang."

Sementara Jasni pula di-

gantung keanggotaannya dalam Jawatankuasa Pentadbir Persisi, kerana menginap di bilek kontinjen Singapura tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran.

"Jawatankuasa Pentadbir Persisi telah mengadakan mesyuarat tergepar pada 8 Disember lalu membincangkan laporan khas, pengurus pasukan Singapura ke Manila, Haji Sayuti Hussini," jelas Mohamed.

Lembaga Disiplin Persisi telah dipengerusikan oleh Rashid Kamarudin, dianggotai oleh Hashim Mukayat, Sarkawi Madsom, Abdul Rahim Rashad dan Saini Abdul Rahman.

Hosni gagal dihubungi untuk membuat ulasan mengenai perlucutan jawatan yang telah disandangnya bagi dua penggal, 1988 hingga 1990 dan 1992 hingga 1992.

— MOHD SANI ALI.

Gara-gara terlajak bahasa, pertikaikan kewibawaan hakim yang bertugas

18 DEC 1991

Oleh YUSOFF RAHMAN

PABLO Ocampo dari Filipina dipecat, sementara Roland Fung dari Malaysia digantung dua tahun, semuanya gara-gara terlajak kata dan bahasa.

Lebih tepat lagi seperti kata pepatah, *kerana pulut santan binasa kerana mulut badan binasa*.

Tindakan itu telah diumumkan oleh Naib Presiden Persekutuan Bina Badan Antarabangsa (IBBF) Kawasan Asia, Paul Chua, yang juga menjadi Ketua Teknikal acara bina badan Sukan SEA Manila, petang semalam.

Ocampo, yang menjadi Naib Presiden Persekutuan Bina Badan Metro Manila, telah menuduh Chua, yang juga Setiausaha Persekutuan Bina Badan Asia (ABBF) sebagai mempengaruhi keputusan acara bina badan yang diadakan di Hotel Philippine Village pada 1 Disember lalu.

Chua, juga telah disebut oleh Ocampo sebagai *'bastard'*, penipu di samping ancaman dengan perkataan *'watch out'*.

Walaupun Persekutuan Sukan Bina Badan Filipina kemudian telah menggantung Ocampo tanpa menyebut tempoh lamanya kerana perbuatannya yang tidak wajar ditunjukkan oleh seorang pegawainya namun IBBF tidak puas hati dengan tindakan tersebut.

"Sebagai Naib Presiden IBBF Kawasan Asia, saya telah memecat beliau daripada bergiat dalam sebarang kegiatan sukan ini," jelas Chua.

"Apa yang dilakukan oleh Ocampo telah memalukan saya. Beliau telah mempertikaikan kewibawaan saya sebagai seorang pegawai bina badan.



“ Bayangkan para peserta yang telah bertungkus lumus bertahun-tahun lamanya untuk menjadi seorang ahli bina badan yang baik, tiba-tiba dituduh tidak wajar memenangi kelas yang disertainya itu.” ”

— PAUL CHUA (atas)

“Lebih menyedihkan lagi tuduhannya yang liar itu adalah tidak wajar seolah-olah tidak mengiktiraf para peserta yang telah menjuarai kelas masing-masing.

“Bayangkan para peserta yang telah bertungkus lumus bertahun-tahun lamanya untuk menjadi seorang ahli bina badan yang baik, tiba-tiba dituduh tidak wajar memenangi kelas yang disertainya itu,” jelas Chua.

Menurutnya, apa yang dilakukan oleh Ocampo telah melanggar Artikel 25 bahagian Disiplin Satu dan Tujuh IBBF.

“Ini adalah satu peristiwa yang paling buruk dalam sejarah bina badan dan saya

ingin mengingatkan semua pihak, jika terdapat sebarang bantahan ia harus dirujuk kepada Jawatankuasa Eksekutif,” tambahnya.

Dalam sukan tersebut, Ocampo telah mendakwa sekurang-kurangnya Filipina boleh memenangi dua lagi pingat emas sambil meragukan kemenangan Ibrahim Sihat dalam kelas *bantam* dan Mohamed Ismail Mohamed dalam kelas *middle*.

Mengenai jurulatih Malaysia itu pula, Chua berkata Fung telah didapati tidak menunjukkan semangat kesukanan pada akhir acara tersebut. 18 DEC 1991

Dalam laporannya kepada ABBF, pengurus pasukan Singapura, M. Letchemenon telah mendakwa Fung mengerit-jerit sambil membantah keputusan hakim sambil menyebut hakim-hakim sebagai *'kayu'*.

Beralih kepada pengurus Malaysia, Francis Yong, Chua berkata IBBF hanya memberikan amaran saja kerana meragukan keputusan hakim-hakim yang memberikan kemenangan kepada Azman Abdullah dari Singapura dalam kelas *light-heavy*.

Dalam acara ini, tiga daripada empat hakim telah memberikan kemenangan kepada Azman.